



PEJABAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
(PENGURUSAN PERSONEL DAN ORGANISASI)  
PARAS 7, BLOK J,  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2556831  
Fax : 03-2542976  
Laman-Web: <http://www.moe.gov.my>

Ruj.: KP(PP)0040/94/8(4)

Tarikh : 31 Januari 2003

Semua Ketua Jabatan/Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

## **IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) UNTUK GRED 41 DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan telah menerima aduan daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) berhubung dengan kekeliruan di kalangan sesetengah Ketua Jabatan mengenai kelayakan pegawai Gred 41 untuk menerima bayaran Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Kekeliruan ini timbul daripada pentafsiran maksud perenggan 3(a) Lampiran C8 kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 yang berbunyi:-

**“Kadar ITKA RM300 sebulan diberi kepada anggota yang berkhidmat pada tahun Ke 10 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambilkira tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.”**

3. Justeru itu, saya suka menjelaskan bahawa seorang pegawai/anggota yang berkhidmat pada tahun Ke 10 dan keatas pada gred yang sama atau setaraf adalah layak menerima ITKA tanpa menunggu mereka genap 10 tahun perkhidmatan. Oleh yang demikian, anggota yang masuk ke tahun ke sepuluh perkhidmatan mereka, bolehlah dibayar ITKA RM300.00 sebulan.

4. Dengan penjelasan ini, Ketua-ketua Jabatan hendaklah membayar terus ITKA tersebut kepada anggota yang layak berdasarkan peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002. Saya harap semua Ketua Jabatan mengambil tindakan segera bagi melaksanakan pembayaran tersebut.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

Yang Ikhlas,

t.t.

**(DATO' DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN IDRIS)**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Manusia)  
Kementerian Pendidikan Malaysia.